

Intervensi komuniti bendung isu sosial

BELAGA: Pelaksanaan intervensi dalam komuniti adalah inisiatif terbaik bagi membendung isu sosial khususnya aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan luar bandar.

Pensyarah Kanan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), Dr. Yasmin Yacob berkata program intervensi anjuran Majlis Pembangunan Sosial, Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti dilihat dapat membantu memperkasa pemimpin akar umbi dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membantu komuniti dalam menangani isu sosial yang dihadapi.

“Sekiranya maklumat dan perkongsian ilmu tidak disampaikan secara terus kepada masyarakat, isu sosial yang berlaku dalam komuniti tidak dapat dibendung.

“Malah, berkemungkinan akan lebih parah disebabkan pemimpin akar umbi dan komuniti tidak mengetahui kaedah dan

cara mengatasi masalah sosial yang dihadapi daripada berlanjutan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Pemerkasaan Komuniti 2.0 Di Sungai Asap, Belaga: Intervensi Bersepadu Bagi Pembangunan Komuniti Terjebak Isu Sosial yang disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Murum, Kennedy Chukupai Ugon di Uma Baha, Sungai Asap di sini, baru-baru ini.

“Program ini juga merupakan program jaringan komuniti di bawah komponen ‘Community Resilience Experiential Learning’ (CARE) melalui projek lapangan Service-Learning Malaysia – University for Society (SULAM) yang berperanan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari,” ujarnya.

Difahamkan, program selama tiga hari dua malam itu dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti.